



## PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), memerlukan warga kerja yang berilmu, berkeyakinan, berintegriti, memiliki kemahiran interpersonal, kreatif dan inovatif serta komited. Individu-individu yang memiliki ciri-ciri tersebut adalah dipelawa untuk menyertai perkhidmatan MARA seluruh Malaysia.

BIL	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	PEGAWAI EHWAL EKONOMI (GRED E41)	RM 2,083.00	RM 9,549.00
2	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV29) - KIMPALAN - BAIKPULIH BADAN KENDERAAN - AUTOMOTIF - SELENGGARAAN ALATAN - SENI BINA - BANGUNAN - MARIN - LUKISAN REKABENTUK - ELEKTRONIK - PEMBUATAN - MEKANIK INDUSTRI - FABRIKASI LOGAM - KEJURUTERAAN ELEKTRIK KUASA - KEJURUTERAAN ELEKTRIK DOMESTIK - BEKALAN AIR DAN PEMBETUNGAN - PENYAMAN UDARA - JENTERA BERAT	RM 1,549.00	RM 5,701.00

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>
3	PENOLONG JURUTERA (GRED JA29) - AWAM - ELEKTRIK	RM 1,549.00	RM 5,701.00
4	JURUTEKNIK KOMPUTER (GRED FT19)	RM 1,377.00	RM 4,052.00
5	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) (GRED N19)	RM 1,352.00	RM 4,003.00
6	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) (GRED W19)	RM 1,353.00	RM 4,005.00
7	PEMANDU KENDERAAN (GRED H11)	RM 1,218.00	RM 2,939.00
8	PEMBANTU OPERASI (GRED N11)	RM 1,216.00	RM 2,983.00

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:  
26 JANUARI 2020**

## **SYARAT LANTIKAN BAGI SETIAP JAWATAN:**

### **1. PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41**

- 1.1 Warganegara Malaysia;
- 1.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 1.3
  - i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,083.00); atau
  - ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,286.57); atau
  - iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,490.99); atau
  - iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,797.62); atau
  - v. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,797.62); atau
  - vi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM2,899.83); atau

vii. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E41 : RM3,002.03 )

1.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.5 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

i. Mempunyai kelayakan di perenggan 1.3; dan

ii. Had umur pelantikan :

a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **2. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29**

2.1 Warganegara Malaysia;

2.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- 2.3
- i. Sijil teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,549.00); atau
  - ii. Sijil kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,549.00); atau
  - iii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,624.20); atau
  - iv. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,699.40); atau
  - v. Diploma teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,784.80); atau
  - vi. Diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah atau ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 : RM1,860.00).
- 2.4 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2.3 hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 2.5 Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 atau DV21/22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV30 yang kosong apabila telah :
- i. Disahkan dalam perkhidmatan;
  - ii. a. Mempunyai kelayakan di perenggan 2.3; atau  
b. Lulus peperiksaan kenaikan pangkat;
  - iii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - iv. Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - v. Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

### **3. PENOLONG JURUTERA GRED JA29**

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 3.3
  - i. Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
  - ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02).
- 3.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3.5 Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penguasa Bekalan Air, Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke Jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- i. a. Mempunyai kelayakan di perenggan 3.3; atau  
b. Lulus Peperiksaan Khas; dan
- ii. Had umur pelantikan :
  - a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **4. JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19**

- 4.1 Warganegara Malaysia;
- 4.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 4.3. i. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,377.00) ; atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,435.12) ; atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,493.24).
- 4.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **5. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N19**

- 5.1 Warganegara Malaysia;
- 5.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 5.3
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
  - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).



- 5.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 5.5 Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 5.3; atau
  - ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan
  - iii. Had umur pelantikan :
    - a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## **6. PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19**

- 6.1 Warganegara Malaysia;
- 6.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 6.3 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut .  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM1,353.00); atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
  - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40).
  - iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).
  - v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).
- 6.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **7. PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

- 7.1 Warganegara Malaysia;
- 7.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 7.3 i. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- ii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- iii. Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

- a. Lesen D : RM 1,264.15
- b. Lesen E/E1/E2 : RM 1,310.30
- c. Lesen F/H : RM 1,356.45
- d. Lesen G/I : RM 1,402.60

- 7.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **8. PEMBANTU OPERASI GRED N11**

- 8.1 Warganegara Malaysia;
- 8.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- 8.3
  - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,216.00); atau
  - ii. Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki Lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]. (Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM1,262.15)

- 8.4 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keputjian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **TARAF JAWATAN:**

Kontrak

### **CARA MEMOHON:**

- i. **Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.**
- ii. Permohonan hendaklah dibuat dengan secara **online** yang boleh dilayari melalui laman website MARA **www.mara.gov.my**.
- iii. Salinan sijil-sijil kelayakan yang disahkan oleh pegawai kerajaan dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dan lain-lain keterangan peribadi dan hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temu duga.
- iv. Hanya permohonan yang dibuat secara online melalui laman website MARA sahaja yang akan diterima. Permohonan yang lewat diterima atau tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan akan ditolak.
- v. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **26 Januari 2020**.

### **SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:**

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## KAEDAH PELAKSANAAN:

- i. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan. **Bagi jawatan-jawatan yang menetapkan kelayakan ijazah dan diploma, keutamaan adalah kepada pemohon yang berpengalaman kerja dalam bidang berkaitan selama dua (2) tahun.**
- ii. Pemohon yang melepasi saringan sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.
- iii. Pemohon yang mempunyai diploma dan ijazah sarjana muda hendaklah membuat semakan **pengiktirafan kelayakan** melalui laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan mengemukakan salinan pengiktirafan tersebut semasa menghadiri temu duga nanti.
- iv. Pemohon yang berjaya dalam temu duga sahaja akan dihubungi. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
- v. **Salinan kad pengenalan, surat beranak dan sijil-sijil kelulusan yang disahkan oleh pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional** dan lain-lain keterangan peribadi (**RESUME**) hendaklah dibawa bersama semasa menghadiri temu duga.

**PENGARAH  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA  
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA  
21, JALAN MARA  
50609 KUALA LUMPUR**

*Keusahawanan  
& Pendidikan **Global**  
'Amanah rakyat'*